



اونيورسيتي مليسيا فھع
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**PENGUMUMAN RASMI
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**PENUKARAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR DARIPADA SECARA BERSEMUKA
KEPADА SECARA DALAM TALIAN BAGI SEMUA KATEGORI PELAJAR YANG KEMBALI KE
KAMPUS PADA SEMESTER I, SESI AKADEMIK 2021/2022**

1. Susulan kepada arahan penutupan premis oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi Residen Pelajar 2 dan 3 di UMP Kampus Gambang yang berkuat kuasa pada 26 Januari 2022 akibat daripada peningkatan dan penularan wabak Pandemik Covid-19 di kalangan pelajar yang menginap di kedua-dua Residen Pelajar berkenaan.
2. Pihak Pengurusan Universiti, telah bersetuju untuk mengubah **pelaksanaan peperiksaan akhir Semester I, Sesi Akademik 2021/2022 yang bermula pada 7 Februari – 22 Februari 2022 daripada secara bersemuka kepada secara dalam talian sepenuhnya untuk kedua-dua Kampus Pekan dan Kampus Gambang.**
3. Pelaksanaan peperiksaan akhir secara dalam talian ini akan dikendalikan oleh pensyarah yang mengajar kursus berkenaan melalui **KALAM, UDAS atau platform dalam talian lain yang difikirkan sesuai oleh pensyarah bagi kursus berkenaan.**
4. Para pelajar juga diminta memastikan talian internet masing-masing berada dalam keadaan boleh digunakan dengan baik atau mencari talian internet yang stabil semasa peperiksaan berlangsung.
5. Sehubungan dengan arahan ini, pihak Pengurusan UMP ingin menyeru para pelajar dan staf UMP agar menjaga keselamatan diri masing-masing dengan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan memakai pelitup muka serta membataskan pergerakan di kawasan umum dan terbuka di sekitar kampus agar penularan wabak ini dikawal dengan sepenuhnya dan keadaan di dalam kampus kembali seperti sebelumnya.
6. Bagi para pelajar yang memerlukan keterangan lanjut, pelajar boleh menghubungi pihak Pentadbiran Kolej/Fakulti/Pusat masing-masing berkaitan pelaksanaan arahan ini.

Sekian, terima kasih

SELAMAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER

**Dikeluarkan oleh:
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
30 Januari 2022**